

Setiausaha BN Sabah Dilantik Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Bernama
15 May, 2013

KOTA KINABALU, 15 Mei (Bernama) -- Setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah Datuk Abdul Rahman Dahlan, 48, dilantik Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Naib Pengerusi Majlis Penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia itu merupakan antara Anggota Parlimen yang vokal membahaskan pelbagai isu dan pertama kali bertanding pada pilihan raya umum 2008 di Parlimen Kota Belud.

Anggota Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu merupakan bekas Ketua Pemuda Umno Tuaran dan mula menceburi arena politik pada 2001.

Pengerusi Yayasan Sabah Shipping itu memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi dan pengurusan dari Sonoma California State University pada 1989.

Beliau pernah menjadi Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri Sabah dan menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), dan kini Ahli Lembaga Pengarah BERNAS.

Abdul Rahman berkahwin dengan Datin Norazlina Awang Had dan dikurniakan tiga cahaya mata.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950045>